



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
CHE MOHD ZAILANI BIN CHE MOH
MISTERI DI SEBALIK MAIN PUTERI**

OLEH:

MUHAMMAD NAQIB BIN MAZLAN	2014133833
ZULAZREEN BIN ZULKIFLE	2014904837

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
CHE MOHD ZAILANI BIN CHE MOH
MISTERI DI SEBALIK MAIN PUTERI**

OLEH:

MUHAMMAD NAQIB BIN MAZLAN	2014133833
ZULAZREEN BIN ZULKIFLE	2014904837

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN



Assalamualaikum w.b.t.

Bersyukur ke hadrat ilahi kerana masih memberikan peluang kepada kami semua untuk menikmati kehidupan di dunia yang indah ini dan juga memberi peluang untuk kami menyiapkan projek ini dengan jayanya. Kami mengambil masa beberapa hari untuk menyiapkan projek ini dan akhirnya berjaya dengan cemerlang.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami yang dikasihi iaitu Madam Nor Kamariah Binti Chik kerana memberi bimbingan kepada kami sepanjang menyiapkan projek ini. Tanpa beliau, mungkin kami tidak akan dapat menyiapkan projek ini sepenuhnya.

Selain itu , kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Che Mohd Zailani Bin Che Moh dan keluarga kami yang tercinta kerana memberi semangat dalam menjayakan projek ini.

Akhir kata, terima kasih juga kepada rakan sekelas yang juga turut membantu memberi pendapat tentang projek ini. Dengan itu, sekian terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Main Puteri merupakan satu kaedah perubatan tradisi yang popular dikalangan masyarakat Melayu Negeri Kelantan sejak beberapa abad yang lalu. Main Puteri mula diamalkan sebelum adanya doktor, hospital yang boleh dirujuk masyarakat seperti masyarakat hari ini. Pada mulanya Main Puteri dikenali sebagai bomoh, seterusnya digelar sebagai bageh, dan akhirnya main puteri. Tok teri merupakan gelaran bagi ketua dalam upacara Main Puteri yang di turut dianggotai oleh Tok Minduk dan pemuzik. Main Puteri dikaitkan dengan hubungan jiwa dan rosak, iaitu tradisi perubatan untuk mematerikan atau menyatukan roh dan jiwa yang sakit. Daripada aspek persembahan, terdapat elemen menarik dalam Main Puteri iaitu gabungan unsur-unsur lakonan, nyanyian, tarian dan muzik, selain gabungan unsur Islam, magis dan ritual. Berikutan perkara tersebut, saya Muhammad Naqib Bin Mazlan dan rakan saya, Zulazreen Bin Zulkifle telah menemuramah tokoh Main Puteri iaitu Che Mohd Zailani Bin Che Moh di rumah beliau Kampung Gual Jedok untuk mengetahui lebih lanjut tentang di sebalik misteri Main Puteri.*

Kata kunci : *cerita rakyat, kelantan, main puteri, perubatan tradisional, permainan tradisional, angin, tok teri, tok minduk, magis, ritual.*


ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	ix
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	02
Bahagian 2: Asal usul Main Puteri.....	10
Bahagian 3: Disebalik Main Puteri.....	15
Bahagian 4: Pencapaian dan Harapan Tokoh.....	33
Rujukan.....	39
Lampiran	
Log Wawancara.....	47
Diari Kajian.....	53
Senarai soalan.....	56
Surat Perjanjian.....	62
Gambar.....	63
Surat pengesahan projek.....	70
Surat permohonan tempat untuk menemuramah.....	71
Indeks.....	72

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



NAMA PENUH	CHE MOHD ZAILANI BIN CHE MOH
TARIKH LAHIR	27. 03. 1966
JANTINA	LELAKI
TEMPAT LAHIR	KOTA JEMBAL KELANTAN
UMUR	50 TAHUN
ALAMAT	KAMPUNG GUAL JEDOK, 17500, TANAH MERAH, KELANTAN.
STATUS	BERKAHWIN
BILANGAN ANAK	3 ORANG
PANGKAT	TOK TERI

PENGENALAN

PENGENALAN

Main Puteri atau Main Teri amat popular dikalangan masyarakat Kelantan terutama pada masa dahulu. Main Puteri merupakan amalan yang diamalkan bagi mengubati penyakit yang dideritai oleh pesakit melalui amalan tradisi melalui upacara yang diiringi muzik tradisonal negeri Kelantan seperti rebana, serunai dan lain-lain. Main Puteri mula diamalkan pada masa berapa abad yang lampau dimana ketika itu tiada perubatan moden, hospital atau doktor yang boleh dirujuk. Elemen muzik dan unsur nynyian yang dimainkan melalui pelbagai jenis alunan lagu dan rentak yang dimainkan oleh Tok Teri atau Tok minduk dalam perubatan tradisisonal ini diselitkan dengan gabungan unsur Islam, magis dan ritual.

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang Main Puteri atau Main Teri amat popular dikalangan masyarakat Kelantan terutama pada masa dahulu. Main Puteri merupakan amalan yang diamalkan bagi mengubati penyakit yang dideritai oleh pesakit melalui amalan tradisi melalui upacara yang diiringi muzik tradisonal negeri Kelantan seperti rebana,serunai dan lain-lain.Main Puteri mula diamalkan pada masa berapa abad yang lampau dimana ketika itu tiada perubatan moden,hospital atau doktor yang boleh dirujuk. Elemen muzik dan unsur nynyian yang dimainkan melalui pelbagai jenis alunan lagu dan rentak yang dimainkan oleh Tok Teri atau Tok Minduk dalam perubatan tradisional ini diselitkan dengan gabungan unsur Islam, magis dan ritual.Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

AM : Abang Mat
MN : Muhammad Naqib
ZUL : Zulazreen

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

MN : Assamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh dan selamat malam. Saya Muhammad Naqib Bin Mazlan dan rakan saya Zulazreen Bin Zulkifle yang merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian Sistem Maklumat di UiTM [Universiti Teknologi Mara] Machang, Kelantan akan menemuramah seorang tokoh pengamal Main Puteri iaitu Che Mohd Zailani di tempat kediaman beliau di Tanah Merah Kelantan pada tarikh dua puluh lima [25] April dua ribu enam belas [2016]. Temuramah ini adalah untuk memenuhi keperluan subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan. Hasil dari temuramah ini insyallah akan dikongsi cerita ini tidak akan ketinggalan dan akan dikenali seterusnya

diingati oleh rakyat Kelantan. Terima kasih Abang Mat atas kesudian untuk ditemuramah. Boleh kita mula sekarang Abang Mat? (bunyi kipas)

AM : Terima kasih, Assamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh, jadi kesudian *adik-adik* [merujuk kepada penemuramah], kedua-dua orang ini datang jumpa Abang Mat di sini untuk berkongsi bersama tentang Main Puteri perubatan.

MN : **Pertama sekali, boleh kami tahu nama penuh Abang Mat?**

AM : Nama Abang Mat ini Che Mohd Zailani Bin Che Moh, *Kampung Gual Jedok Tanah Merah, Kelantan* [tempat tinggal].

MN : **Apakah nama gelaran Abang Mat?**

AM : Nama gelaran Abang Mat ialah Abang Mat *Tok Bomoh* [pengamal perubatan tradisional] atau Abang Mat Tok Teri [Ketua kepada kumpulan Main Puteri].

MN : **Boleh Abang Mat cerita serba sedikit tentang latar belakang Abang Mat?**

AM : Latar belakang Abang Mat ini, pekerjaan Abang Mat setiap hari selama hampir *tiga puluh* [30] tahun ini, Abang Mat main teri, tolong *berubat* [bomoh] orang dan lain-lain lagi.

MN : **Bilakah tarikh lahir Abang Mat?**

AM : *Dua puluh tujuh* [27] haribulan *tiga* [3] tahun *sembilas belas enam puluh enam* [1996].

MN : Berapa umur Abang Mat

AM : *Lima puluh* [50] tahun.

MN : Abang Mat lahir di mana?

AM : Abang Mat lahir di Kg Gual Jedok, Tanah Merah, Kelantan.

MN : Maknanya, Abang Mat orang jati kampung ini [Kg Gual Jedok] ?

AM : Ya. Abang Mat ada banyak *keturunan* [ahli keluarga] di sini dan merupakan anak jati *Jedok* [Kg Gual Jedok].

MN : Apakah nama ayah Abang Mat?

AM : Nama ayah Abang Mat, Che Moh Bin Daud, Daud Bin Mat Din, Mat Din Bin Dahlan, Dahlan bin Jedok.

MN : Nama ibu Abang Mat?

AM : Nama ibu Limah Binti Yusof, Yusof Binti Salam.

MN : Ibu bapa Abang Mat asal dari mana?

AM : Asal dari Jedok.

MN : Apakah pekerjaan ibu bapa Abang Mat?

AM : Mereka bekerja kampung dan *perubat* [merawat] orang sakit juga. Semua keturunan Abang Mat perubat orang sakit.

MN : Adakah ibu bapa Abang Mat masih hidup?

AM : Ibu Bapa Abang Mat sudah meninggal, anggaran dalam *sepuluh* [10] tahun lebih.

MN : Abang Mat ada berapa adik beradik?

AM : Abang Mat ada *tujuh* [7] adik beradik *dua* [2] perempuan *lima* [5] lelaki.

MN : Abang Mat yang ke berapa?

AM : Abang Mat yang *ke empat* [ke-4].

MN : Boleh Abang Mat cerita serba sedikit tentang adik beradik Abang Mat, di mana mereka bekerja dan tinggal di mana?

AM : Pekerjaan semua adik beradik Abang Mat sama sahaja seperti Abang Mat iaitu bekerja kampung, tiada yang kerja dengan *orang* [majikan], semua kerja sendiri, ada yang menoreh getah, ada yang bertani.

MN : Adakah semua adik beradik Abang Mat masih hidup?

AM : *Tujuh* [7] masih hidup semua lagi.

MN : Adik beradik Abang Mat tinggal di mana?

AM : Adik beradik Abang Mat yang paling jauh tinggal di Ciku enam, Gua Musang,

selepas itu di Jedok ini *empat* [4] orang. Tinggal di Kemahang, Tanah Merah
dua [2] orang.

MN : Apakah nama isteri Abang Mat?

AM : Maznah Binti Ibrahim.

MN : Bilakah Abang Mat kahwin dengan isteri Abang Mat?

AM : Tahun *sembilan belas lapan puluh lapan* [1988].

MN : Sudah berapa lama Abang Mat berkahwin dengan isteri Abang Mat?

AM : *Dua puluh lapan* [28] tahun.

MN : Umur isteri Abang Mat?

AM : *Empat puluh enam* [46].

MN : Apakah pekerjaan isteri Abang Mat?

AM : Dia bekerja bantu Abang Mat pelihara kambing.

MN : Isteri Abang Mat berasal dari mana?

AM : Dia berasal dari *Kampung Banggol* [Yek Ayer Lanas, Jeli, Kelantan]

MN : Abang Mat ada berapa orang anak?

AM : Abang Mat ada *tiga* [3] anak.

MN : Berapa lelaki dan berapa perempuan?

AM : *Dua* [2] lelaki dan seorang perempuan.

MN : Nama anak Abang Mat?

AM : Mazni yang *sulong* [anak pertama], yang *kedua* [ke-2] Mohd Rizuan yang *ketiga* [ke-3] nama Azhar

MN : Umur berapa anak Abang Mat?

AM : Mazni ini *dua puluh enam* [26], Rizuan *dua puluh empat* [23], yang *achik* [Azhar] ini Azhar *tujuh belas* [17]

MN : Apakah pekerjaan anak Abang Mat?

AM : Anak Abang Mat yang *sulong* itu bekerja swasta, yang *kedua* [ke-2] ini kerja merawat orang juga dan yang *ketiga* [ke-3].

MN : Yang *ketiga* [ke-3] sekolah di mana?

AM : Yang *ketiga* [ke-3] ini sekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Bunga.

MN : *Dia* [Azhar] pergi ke sekolah dengan apa? Adakah Abang Mat hantar?

AM : *Dia* pergi sendiri.

MN : Berapa orang anak Abang Mat yang tinggal dengan Abang Mat?

AM : Dua [2] *orang* [Rizuan dan Azhar]. *Empat* [4] orang termasuk sekali dengan cucu.

MN : Jika ada masa lapang, apakah yang Abang Mat akan buat?

AM : Abang tiada masa lapang. Abang Mat penuh masa dengan pelihara lembu. Selepas itu, Abang Mat *bomoh dan perubat* [merawat] orang. Kadang-kadang tidak tidur.

MN : Abang Mat sekolah di mana?

AM : Abang Mat *sekolah di Jedok* [Sekolah Kebangsaan Jedok, Tanah Merah, Kelantan]

MN : Sekolah menengah?

AM : Abang Mat tidak sambung sekolah menengah. Hanya setakat darjah *enam* [6] sahaja.

MN : Abang Mat pergi sekolah dengan apa?

AM : Berjalan kaki.

MN : Berapa wang saku Abang Mat bawa ke sekolah?

AM : Masa zaman itu teruk, hanya bawa *samah* [lima puluh sen], *seriya* [seringgiti] ini jarang. Antara *samah* [lima puluh sen] dan *tiga puluh sen* [Ringgit Malaysia

0.30].

MN : Bolehkah Abang Mat cerita serba sedikit tentang zaman persekolahan dahulu?

AM : Zaman sekolah dahulu teruk juga, sebab sekolah Abang Mat dulu sekolah atap, kasut jarang cukup kerana kasut timbus dalam debu, maknannya Jedok mundur zaman dahulu. Jedok maju rasanya tahun sekitar tahun *lapan puluh* [80] -. Makan buah jambu biji banyak, balik sekolah *main* [mandi] dalam *kubang* [lopak yang berisi air dan lumpur] kerbau. Pasal orang tua orang zaman dahulu teruk juga pergi sekolah. *Mereka* [orang zaman dahulu] masuk sekolah pukul *tujuh* [7] --, selepas itu balik sekolah habis pukul *satu* [1] --. Selepas balik dari sekolah itu, tidak baca lagi *book* [buku].

MN : Boleh Abang Mat cerita tentang kenangan manis pada zaman sekolah dahulu?

AM : Kenangan manis zaman sekolah sangat dasyat, sebabnya balik sekolah itu ternampak buah jambu orang tepi rumah itu terus panjat pokok dan ambil. Selepas itu, jika ada kawan mahu bergaduh dengan orang lain, ikut turut bergaduh sekali. Ajak kawan pergi sungai dan main lumpur, dahulu lumpur banyak, *kubang- kubang* [tempat kerbau mandi] zaman dahulu. Zaman sekarang ini moden zaman *internet* [Sistem perangkaian antarabangsa yang membolehkan pengguna mencapai maklumat pangkalan data dari seluruh dunia]. Jadi budak-budak zaman sekarang dengan orang tua zaman dahulu jauh berbeza.. Budak

dahulu [budak zaman dahulu] hormat pada orang tua, budak *loni* [budak zaman sekarang] yang tidak hormat pada orang tua. Orang tua dahulu garang, budak zaman dahulu takut, sekarang sudah tiada, zaman moden sekarang.

MN : Adakah Abang Mat ingat lagi pengalaman berharga semasa di sekolah dahulu?

AM : Yang Abang Mat rasa kecewa masa sekolah ini – jadi Abang Mat fikir, macam fikiran macam orang tua . Ini kerana pada suatu hari itu, ada seorang Cikgu itu yang selalu Abang Mat *mandok* [malu] yang buat Abang Mat tidak ke sekolah. Cikgu itu Abang Mat rasa ada masalah rumah tangga dan bawa ke sekolah. Dia lepaskan geram pada Abang Mat, dia pukul Abang Mat walaupun Abang Mat tidak buat salah. Dari itulah Abang Mat mula tidak pergi sekolah sehingga berhenti sekolah.

MN : Abang Mat ingat lagi bila kali pertama kenal isteri Abang Mat?

AM : Ingat lagi, kisah dahulu. Ketika itu Abang Mat tiada ilmu, buat kerja - -jumpa - - kebetulan dia suka Abang Mat, Abang Mat suka dia dan terus mintak izin kahwin dengan ibu bapa.

TAMAT BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

BAHAGIAN 2: ASAL USUL MAIN PUTERI

ZUL : Apakah itu Main Puteri?

AM : Main Puteri ini mengikut kefahaman Abang Mat dipanggil perubat [merawat] orang. Perubat orang ini macam *kita* [Tok Teri] tiada benda lain yang mampu di tolong. Kita mahu tolong dengan harta benda kita tak mampu, jadi kita tolong dengan ilmu sekadar yang mampu. Jika pesakit pergi hospital tidak sembuh, Tok Teri boleh ikhtiar , sebelum mereka pergi hospital pun Tok Teri cuba merawat juga, jadi Tok Teri tolong *orang* [pesakit]. Jadi sesetengah orang kata kita tolong orang ini merupakan fardhu kifayah

ZUL : Bilakah Abang Mat mula menceburi bidang Main Puteri?

AM : Pada umur *dua puluh dua* [22] tahun. Sekarang sudah umur *lima puluh* [50] tahun *satu* [1] bulan.

ZUL : Berapa orang guru Abang Mat belajar Main Puteri?

AM : Ramai. *Lapan belas* [18] orang guru

ZUL : Adakah Abang Mat masih ingat guru Abang Mat?

AM : Ingat, tapi semua sudah meninggal.

ZUL : Apakah yang dimaksudkan dengan Main Puteri?

AM : Pada permulaannya, Main Puteri ini dipanggil *bomoh* [rawatan tradisional]. Bomoh ini dipanggil seorang . Selepas itu dipanggil bageh apabila *dua* [2] orang. Apabila dicampur dengan gong, gendang, gedombak, dan alat-alat muzik yang lain, selepas itu dicampur dengan *Dewa Muda* [angin]. Jadi dipanggil Main Puteri Makyong.

ZUL : Boleh Abang Mat ceritakan asal usul Main Puteri?

AM : Main Puteri mengikut cerita dahulu ni sangat panjang. Main Puteri ini mengikut setengah guru kata ada daripada orang sesat, sesetengah guru kata awal nak jadi daripada pelekat semasa adam retak hendak masuk roh. Zaman sekarang dipanggil *welding* [pemateri].

ZUL : Adakah Main Puteri ini hanya terkenal di Kelantan sahaja?

AM : Main Puteri ini bagi orang Kelantan, tetapi Main Puteri ini dipanggil budaya. Contoh di Terengganu budaya lain seperti *rodat* [seni nyanyian Arab yang dialun dengan iringan rebana tar], di Johor dipanggil kuda kepang. Itu jenis-jenis budaya tidak sama. Tapi Main Puteri ini hampir sama kerana perlu menurun. Seinggakan orang Korea Sunny itu kata di Badwi ada itu budaya yang perlu upacara menurun sehingga perlu telan api, makan api.

ZUL : Apakah tujuan sebenar Main Puteri ini dimainkan?

AM : Tujuan sebenar Main Puteri ini ialah untuk merawat *orang* [pesakit] yang terkena penyakit angin. Penyakit angin sukar dirawat, jika tidak sesuai boleh mengakibatkan mati kelaparan. Penyakit angin ini walaupun diperiksa oleh doktor di dapati tiada penyakit.

ZUL : Adakah Main Puteri ini sama seperti Mak Yong ataupun Ulek Mayang?

AM : Ya. Sama. Tapi yang boleh dikatakan sama itu angin Main Puteri ini kasar sedikit, angin Mak Yong ini *slow* [perlahan] sedikit, angin Mak Yong manja.

ZUL : Adakah watak-watak Mak Yong ada dalam Main Puteri?

AM : Ada. Jika Main Puteri *penutup angin* [merawat angina] sama seperti Mak Yong. Penutup angin puteri tiada permulaan kepada cerita, hanya ambil cerita yang tertentu yang dimahukan sahaja. Sebagai contoh, Dewa Muda dalam Main Puteri, tetapi tiada permulaan, ambil terus kepada cerita Dewa Muda diseksa disebabkan merujuk kepada pesakit yang terseksa.

ZUL : Adakah Main Puteri ini hanya dimainkan oleh orang Melayu sahaja?

AM : Orang Cina juga ada main. Di Kok Lanas [Kelantan] ada orang Cina main Mak Yong dan Wayang Kulit.

ZUL : Jadi Main Puteri ini boleh dikatakan sebagai aktivi kebudayaan?

AM : Ya. Aktiviti kebudayaan, jadi sekarang ini baru panggil kebudayaan, zaman

dahulu tidak dipanggil kebudayaan. Tetapi Main Puteri ini tidak zahir sebarangan, di mana tiba-tiba mahu Main Puteri terus menjadi. Sebab ketika itu semasa Abang Mat kecil sehingga Abang Mat tua baru dapat buka gelanggang Main Puteri.

ZUL : Adakah Main Puteri ini boleh dilakukan selain daripada majlis perubatan?

AM : Boleh, tidak kira majlis apa-apa pun, Main Puteri dilakukan di mana sahaja boleh dibuat persembahan. Jadi pertama sekali orang ramai tidak pernah lihat Main Puteri dan budak zaman sekarang tidak tahu apa itu Main Puteri. Jadi jika mereka faham apa itu Main Puteri, pasti mereka minat apabila mereka lihat Main Puteri.

ZUL : Apakah alatan yang digunakan untuk Main Puteri?

AM : Main Puteri ini perlu ada rebab, gendang kecil, gendang besar. Sekarang ini Abang Mat Main Puteri dengan gedombok, geduk, gong, kesi, serunai.

ZUL : Di mana Abang Mat dapat alatan ini?

AM : Dahulu Abang Mat ambil di Pasir Mas. Sekarang ini Abang Mat buat sendiri. Hendak beli tak mampu (ketawa).

ZUL : Apakah pakaian yang tertentu yang perlu dipakai semasa upacara Main Puteri?

AM : Pada asalnya, dalam Main Puteri, Tok Teri tidak boleh pakai baju mengikut

cerita zaman dahulu. Tetapi sekarang sudah zaman moden, jadi tidak manis dipandang jika tidak pakai baju.

ZUL : Berapa orang yang perlu terlibat semasa Main Puteri?

AM : Main Puteri ini dalam bangkitan di panggil *panjak* [para pembantu Tok Teri] *tujuh* [7] pengantin *lima* [5] --. Jadi *dua belas* [12] orang.

ZUL : Adakah Abang Mat Main Puteri secara solo atau mempunyai kumpulan?

AM : Abang Mat boleh main secara solo dan secara berkumpulan. Jika bermain solo dipanggil gerak gempur, Abang Mat rawat dahulu, selepas itu Abang Mat tutup punca penyakit itu.

ZUL : Adakah Abang Mat mempunyai kumpulan sendiri?

AM : Ya. Abang Mat ada kumpulan sendiri.

ZUL : Nama kumpulan Abang Mat?

AM : Nama kumpulan Abang Mat ialah Mat Jedok.

ZUL : Bilakah kumpulan Abang Mat mula ditubuhkan?

AM : Tahun *dua ribu* [2000] --. Tahun *dua ribu tujuh* [2007].

ZUL : Berapakah ahli kumpulan Abang Mat?

AM : *Dua belas* [12] orang.

ZUL : Adakah kumpulan Abang Mat mempunyai lelaki dan perempuan?

AM : Ada seorang perempuan. Sekarang sudah ramai perempuan.

ZUL : Adakah Abang Mat ingat lagi umur ahli kumpulan Abang Mat?

AM : Umur kumpulan pelapis baru ini tidak lebih daripada umur *enam belas* [16] tahun dan yang paling muda ialah darjah *dua* [2].

ZUL : Peranan Abang Mat dalam kumpulan?

AM : Peranan Abang Mat ialah *Tok Teri* [ketua kumpulan].

ZUL : Adakah pesakit akan dikenakan bayaran untuk Main Puteri ini?

AM : Ada bayaran dikenakan atas kehendak pesakit. Jika ada pesakit yang mahu kumpulan yang hebat akan dikenakan harga macam ini, manakala jika pesakit mahu kumpulan yang tidak hebat akan dikenakan harga macam ini pula. Jika mereka datang dari jauh, kira minyak kereta mereka --.

ZUL : Kebiasaanya berapa bayaran yang dikenakan kepada pesakit?

AM : Tidak tentu.

ZUL : Jika dijemput untuk dibuat persembahan adakah lain pula harga dikenakan dengan perubatan?

AM : Lain, ini kerana dalam jemputan persembahan Abang Mat tidak pernah jadi

ketua kumpulan, Abang Mat hanya ikut jika di suruh. Bayaran itu tidak tahu dikira kos makan atau bahagian yang akan dapat, tidak tahu. Jadi bergantung kepada ketua kumpulan. Jika dapat murah, murah dapat, jika dapat mahal, mahal dapat.

TAMAT BAHAGIAN 2: ASAL USUL MAIN PUTERI

BAHAGIAN 3: DISEBALIK MAIN PUTERI DAN MISTIKNYA

ZUL : Selain daripada Abang Mat sebagai Tok Minduk,apa lagi watak yang ada dalam Main Teri ini?

AM : Main Teri ini kalau kira mengikut bahagian teri ni dia orang sakit,orang sakit nie apabila kita nak mengubati orang sakit kita kena buat *alat dia [alatan Main Puteri]* sebelum kita nak masuk *pergi [menyelami alam pesakit]*, *dia [pesakit]* Tok Teri panggil orang sakit dengan Tok Teri nie *dia[pesakit]* panggil pengasuh, *dia [Tok Teri]* berhamba dengan raja[pesakit], jadi orang sakit ini raja,Tok Teri ini *dia [pesakit]* panggil pengasuh, pengasuh raja. Jadi *kita [Tok Teri]* hendak masuk dalam *pergi* dalam kampung *dia [pesakit]* itu *dipanggil sebab dia sekali belum dua kali belum masuk di dalam negeri sebuah pulau sebutir [alam pesakit]*, dalam negeri *dia [pesakit]* itu. Jadi bahasa Tok Teri *dia [Tok Teri]* panggil begitulah. Jadi *dia [Tok Teri]* kena bercakap dulu takut ada *jembalang [hantu atau roh yang jahat lagi menakutkan]* mana yang sedang tutup, angin mana yang sedang menggoda, *saka [jin keturunan yang dibawarisi]* mana

lagi yang sedang dibawa. Jadi kita kena bercakap dahulu dengan hidangan kenduri - ala kadar barang seperti itu buat perjanjian dahulu, apabila kita masuk pergi dengan bodoh begini seperti kita masuk rumah orang, masuk rumah orang dengan tidak memberi salam dalam pagar orang ini apa kata oleh tuan rumah, baru tidak dia tidak sakit ketika dia tiada *kes* [masalah] , jadi kita nak hendak masuk dalam tubuh *dia*[pesakit] itu *kita* [Tok Teri] hendaklah *berkira*[sisat,risik terlebih dahulu] siapa yang sedang jaga,siapa yang sedang tunggu. Macam kalau kita kata mahu merawat, kita mahu merawat dia ini kita lihat dalam naskah kita itu, dia ada naskah *tok bomoh* [pengamal perubatan tradisonal] ini, macam beras dan air itu dia panggil alatan dia, kalau macam doktor itu dia bawa untuk *test body* [pemeriksaan badan] tu,ada untuk *test* [pemeriksaan] di jantung semua itu, tok bomoh nie cara dia hendak guna, dia mahu periksa dia nie kena jembalang mana, jembalang tanah kah, jembalang air kah, jembalang belukar kah, cerang kah, kampung kah, padang kah, yang itu kita kena bercakap sebab kita kena masuk dalam *korum* [alam] dia itu baru kita boleh bercakap, kalau kita pergi dengan bodoh begini memang tidak jumpa dengan tempat yang kita mahu. Jadi kita masuk pergi kita boleh berurusan, kita boleh beritahu misalnya kalau dia kena jembalang tanah kita boleh berurusan dengan hantu tanah, kalau kena hantu air kita boleh berurusan dengan hantu air, kalau macam dia kena hantu belukar, hantu cherang, hantu air kita boleh berurusan sebab kita telah masuk dalam bidang dia, kita berurusan dengan dia, sebab ini hikayat ilmu. Ilmu yang Abang Mat ada ini jadi ini *jong*[orang tengah atau hakim] dia panggil, kalau bahagian kerajaan ini dia panggil *majistret* [hakim] Abang Mat ini hakim, jadi

atas sifat yang kena salah ini *engkau tidak boleh tuntuk dakwa sebab ada cukup masa dulu tabib banyak, bomoh ramai, sebab hari ini aku menggantikan tabib tua tabib muda dalam sering haji nala sebab aku ganti sebab aku jong bayar [jampi serapah], sebab kita ganti yang tua lama jadi engkau kena dengar tabib usul melatah tok bomoh atas sifat yang kena salah ini mung tak leh duduk buat sejuk bertompok panah bekate, luga mual alur susul pening rindu letih tok rok, mung kena beratur kan puak bersih sekalian kawan puak-puak mung tu mung kena kelik [jampi serapah] barulah selesai, jadi kalau kata dia hendak terima kata nak – kata satu contohnya hantu tanah tu dia nak makanlah dengan *hidangan ibu jamuan bapak* [nama sejenis makanan atau hidangan yang disediakan semasa upacara] jadi tok bomoh macam Abang Mat nie Abang Mat pengganti tabib, bukan Abang Mat tok bomoh Abang nie pengganti tabib melatah kata tok bomoh zaman itu, jadi hari nie ada lagi sebab peta tidak ngaib garis tidak hilang, jin tidak boleh langkah peta dewa tidak boleh surut garis, kalau langkah patah kaki surut patah pinggang bangkitan cerca tok bomoh. Jadi atas sifat yang bersalah ini kalaulah dia langkah juga sakit boleh malu juga boleh dia. Sebab kita ada batu sempadan itu ada. Tok bomoh dengan hantu ini dia boleh berkomunikasi boleh bercakap sebelah makluk ini. Begitulah bendanya *adik [penemuramah]**

ZUL : Jadi persediaan yang perlu sebelum memulakan Main Puteri ini di pihak Abang Mat dahulu?

AM : Pihak Abang Mat ini kalau biasa persedianya kena dengan alat misalnya seperti kita bangkit semangat kalau denga bunga canggul dengan tabul lok langit seperti itu kena sediakanlah alat dia itu yang ini semangat kita panggil, seperti perarakan kalau tidak ada bunga sireh tidak ada dengan bunga manga itu dipanggil tidak meriah, bendanya tiada untung sangat, seperti *kemejenge* [pelamin perkahwinan] itu kan kemenjenge itu sampai orang bayar beribu ribu itu disebabkan angin, untuk besar kecil tidak ada, seperti ini juga untuk orang sakit, apabila kita bagi semangat dia zaman sekarang sekarang orang panggil aerobik, apabila aerobic ,apabila kita naikkan semangat dia itu lalu orang sakit tersebut bergerak jantung berdenyut kuat, darah mengepam jantung itu kuat , jadi apabila dia boleh menggerakkan tangan dan anggota badan lain lama dia sedang lumpuh apa semua, mungkin dengan benda begini yang boleh membuatkan ianya sihat, Abang Mat juga tidak boleh beritahu sangat.

ZUL : Jadi itu persediaan di pihak Abang Mat,bgaimana pula persediaan di pihak pesakit pula?

AM : Persediaan pihak pesakit bergantung kepada Abang Mat , bergantung pada tok bomoh. Tok bomoh ini jika mahu hendak merawat *dia* [pesakit] kita kata harini penyakit ini kena sediakan nasi kunyit ayam panggang, ini dipanggil *saka* [jin keturunan], saka [jin keturunan] ini *hala* [sejenis hantu], *hala* [sejenis hantu] tidak dapat tidak melainkan nasi kunyit ayam panggang, bertih segangan,

kelapa, sekerat gula merah, itu adalah yang digunakan sejak turun temurun lagi, wajib ada, kalau tidak ada ianya tidak dapat diteruskan, kita tidak mampu untuk menaikkan semangat pesakit. Apabila dia lihat dengan barang yang ada, dengan hidangan yang dipanggil hidangan ibu jamuan bapak itu, ianya akan keluar dengan sendirinya, macam itu.

ZUL : Biasanya ada jenis makanan lain yang perlu disediakan?

AM : Makanan untuk Tok Teri atau untuk makanan – ada selain hidangan seperti sيره pinang, sepiyok, rokok daun, telur, nasi kunyit, duit , benang pengeras.

ZUL : Bergantung kepada?

AM : Itu adalah semangat Tok Teri, semangat tok bomoh, apabila tok bomoh ini ,semasa dia duduk main, bukan bermain, semasa dia sedang merawat itu, ini kenyakkan orang tidak tahu kalau tidak belajar, semasa dia merawat itu, tok bomoh ini tidak sedar, apabila tok bmoh tidak sedar orang ramai dia tidak pandai untuk merawat tok bomoh sebab dia kena dalam sihir. Jadi orang ramai *puak panjak* [para pembantu Tok Teri] kita yang tujuh ini dia kena ambik *benda* [hidangan] yang kita gantung diatas tadi dan suap pada tok bomoh, itulah saja cara pulihkan tok bomoh, ianya dinamakan sihir . macam tok bomoh yang gantung pulut telur semua itu adalah untuk tok bomoh, gantung untuk tok bomoh, hidangan dibawah untuk orang sakit—lain, macam bantal yang Tok Teri letak antara Tok Minduk dan Tok Teri itu, bantal tersebut dipanggil batu sempadan, Tok Teri tidak boleh langkah bantah nie, Tok Minduk tidak boleh

pergi tidak boleh langkah bantal tersebut pada tempat yang diletakkan. Jika Tok Minduk langkah bantal ini akibatnya dihukum oleh Tok Teri, Tok Teri langkah bantal akan dihukum oleh Tok Minduk. Ianya tidak boleh, dirasuk hantu setahap mana pun ianya tidak akan masuk dan tidak akan langkah *bantal* [batu sempadan] walau apa terjadi *dia* [Tok Minduk dan Tok Teri] tidak akan langkah .

ZUL : Tidak akan langkah ataupun kalau *dia* [Tok Teri dan Tok Minduk] langkah atau memang tidak langkah?

AM : Kalau dilangkah aianya akan mengakibatkan *langkah patah kaki surut patah pinggang* [sejenis hukuman jika melanggar pantang larang].

ZUL : Maksudnya?

AM : Apabila langkah patah kaki surut patah pinggang. Patah pinggang, lembik tidak bermaya, memang begitulah.

ZUL : Upacara Main Puteri sesuai dilakukan pada waktu mana Abang Mat?

AM : Malam lah, Main Puteri nie lepas *Isyak* [waktu solat] tu boleh main. Sebab kalau tengah hari juga boleh dilakukan Main Puteri , kes yang terjadi nya pada waktu malam adalah disebabkan Tok Teri ada kerja, itu sajalah. Tok Teri nak *menyangkul, menebas, menanam ubi semua itu* [pekerjaan Tok Teri pada waktu siang]. Boleh dilakukan pada bila-bila masa Main Puteri. Main Puteri ini sebab dia sama dengan sakit, masa sakit ianya tidak berwaktu, itu sakit. Kalau sakit

tengah hari main waktu tengah hari, sakit malam main malam. Dia tiada waktu untuk Main Puteri nie. Seperti orang yang cuti itu adalah disebabkan oleh hak tuan pekerja. Seperti doktor, dia boleh selalu *cucuk* [merawat] kalau dia tidak cuti, nie dia rehat pukul *dua* [2] rehat mesti tidak boleh masuk lagi. Sakit tidak kira pukul *dua* [2] pukul *satu* [1]. Sebab itulah Abang Mat kata tiada musim *happy* [gembira] Abang Mat nie, Abang Mat nie berada dalam keadaan memang duduk dengan menderita hati sedih sentiasa, sebab sedih bukan sedih Abang Mat nie bukan sedih sebab Abang Mat tidak makan , sedih Abang Mat sebab melihat kelakuan kehidupan manusia. Sebab sakit orang sakit ini *adik* [penemuramah] dia sakit *lima puluh* [50] Abang Mat kena alami sakit *seratus* [100] barulah kita boleh masuk dalam jiwa *dia* [pesakit]. Kalau *kita* [Tok Teri] tidak berada disitu *adik* [penemuramah] kita tidak boleh menjadi *tok bomoh* [pengamal perubatan tradisional]. Sebab orang sakit nie memang begitu.

ZUL : Berapa lamakah tempoh masa upacara Main Puteri dilangsungkan?

AM : Tempoh masa, *start* [bermula] pukul *sembilan* [9] sampai pukul *tiga* [3] pukul *empat* [4] pagi, umur Abang Mat nie smpai pkul *sebelas* [11] pagi Abang Mat main di Kampung Puyu [Pasir Putih, Kelantan] pukul *sebelas* [11] pagi baru habis angin.

ZUL : Jadi berdasarkan pengalaman Abang Mat, adakah itu adalah tempoh yang paling lama?

AM : Seperti yang tadi, pukul *sebelas* [11] pagi, pukul *sembilan*[9] pukul *sebelas* [11]

pagi. *Start* [bermula] dengan Abang Mat seorang menyanyi tidak henti-henti, masa itu tubuh muda bolehlah, sekarang tua sangat tidak mampu lagi.

ZUL : Lepas tu *saya* [penemuramah] nak tanya, Main Puteri ini ada kaitan atau tidak dengan Puteri Sadong?

AM : Puteri Sadong nie ada kaitan ,tapi macam puteri sadong nie tiada siapa pun yang boleh pegang tiada siapun yang boleh ambik. Hanya ucapan [bangkitan] tu boleh.

ZUL : Ucapan yang macam mana?

AM : Ucapan bangkitan dia [Puteri Sadong]. Awal kata Puteri Sadong nie dia timbul sini pergi sini boleh--. Cuma hendak ambil tidak boleh, hendak pegang tidak boleh, orang ramai hendak lihat juga tidak boleh. Cuma Puteri Sadong nie bukan orang sebarangan bukan orang kebnyakkan seperti kita ini. Sama juga dengan *hantu* [makluk halus] *adik* [penemuramah], *hantu* [makluk halus] ini dia tidak bersifat hanyalah kumpulan zat. Apabila bersifat ini *adik* [penemuramah] dia duduk di atas sesuatu. Kalau dia di atas pokok kayu, kita gelarkan dia *hantu kayu* [mahluk halus], kalau dia masuk orang kita panggil *Deris* [nama contoh] ini dirasuk hantu, itu baru *dia* [hantu/makluk halus] bersifat, dia hanya zat, sebab yang menjadi zat adalah bulu roma kita ada kulit kita tidak tertutup. Orang yang tidak kena hantu seorang sahaja yang tidak kena hantu.

ZUL : Siapa?

AM : *Rasulullah* [Nabi Muhammad SAW], penghulu Nabi Muhammad tidak dirasuk hantu sebab dia tiada bayang, Rasulullah tiada bayang. Jadi kalau kita orang kebanyakan ini makin *lebai* [alim] semakin kuat *dia* [hantu/makluk halus] hendak goda. Hantu ini goda. Kita nie kalau kita jahil begini, tiada pangkat hantu yang datang, Hanya hantu kebanyakan sahaja yang datang. – anak-anak hantu. Anak *jin* [makluk halus] yang paling kecil, paling muda *lima ratus* [500] tahun umur anak jin, tidak termasuk lagi dengan datuk jin. Datuk jin zaman Nabi Sulaiman dahulu, air laut lautan pasifik itu setakat pinggang *dia* [jin] turun. Tapi hari ini orang menyeberangi pergi *MH70* [pesawat kapal terbang Malaysia Airlines] tu *empat belas* [14] hari tidak sampai lagi ke dasar tapi jin baru setakat pinggang, datuk jin rakyat Nabu sulaiman dahulu. Orang kata jin Islam, jin kafir, jin tiada Islam tiada kafir kerana walau bagaimana pun tetap begitu.

MN : Nak Tanya tentang Puteri Sadong, Puteri Sadong ini main juga atau tidak Main Puteri ini?

AM : Puteri Sadong main, *dia* [Main Puteri] carita-carita ini Main Puteri Sadong awalnya.

ZUL : Apakah peranan Tok Teri dan peranan Tok Minduk?

AM : Peranan Tok Teri Tok Minduk ini, Tok Teri dia kena pergi ambik dekat orang sakit, penyakit orang sakit ini dibawa berjumpa dengan Tok Minduk, kelakuan orang sakit difahami Tok Minduk. Jadi apabila sampai datang Tok Minduk,

sebab itu Tok Teri kata *dia keluar wap bersambungkan hawa* [perumpamaan], jadi keluar wap bersambung kan hawa ini adalah keluar wap jin yang berada di dalam tubuh pesakit tersebut *dia* [jin] datang kepada Tok Teri, lalu itulah Tok Teri datang bertemu dengan Tok Minduk, Tok Teri boleh beritahu pesakit ini terkena penyakit ini, jenis ini , begitu. Lepas itu Tok Minduk hurailah kalau jenis saka benda seperti ini *dia* [Tok Minduk] beritahu, hidangan ini, kalau jenis dewa muda [sejenis makluk halus] *alat pakaian ayah sedia dah dengan seluar patelong baju cekik di badan lap letak di tubuh alat tahta singahsana kerajaan tu hari ketujuh malam kelapan dia tabal menjadi kerajaan* [bahasa Main Puteri], *dia* [Tok Minduk] bagi semangat kepada pesakit tersebut.

ZUL : **Apakah yang dimaksudkan dengan angin dalam Main Puteri ini?**

AM : Angin ni ada macam-macam jenis. Kalau angin *dewa kecil* [watak dalam Main Puteri] bentuk lain, angin *Fakir Abdullah* [watak dalam Main Puteri] lain, angin *dewa muda* [watak dalam Main Puteri] bentuk lain. Angin *Fakir Abdullah* nie adik [penemuramah] dipanggil angin penyakit buruk, penyakit kudis-kudis dimainkan oleh orang dahulu. Dipanggil *Fakir Abdullah*, dipanggil angkat niat. Kalau jenis yang boros rancak itu dipanggil dewa kecil. Apabila dewa kecil ini dia dahulunya orang kaya dan menjadi kepaan dan kemudiannya sakit, ini jadi lebih terperinci. Dewa muda ini dia orang manja orang comel dan orang manja. Kalau angin *hala-bala* [sejenis makluk halus] nie sejenis yang garang, biasa menampar orang semua tu *balan* [sejenis makluk halus]. Apabila tiba masa sakit kawan pun tiada, tiada siapa bertanya khbar.

ZUL : Boleh tahu berapa jenis angin?

AM : Angin ini kalau mengikut kaedah Abang Mat ada *seratus sembilan puluh Sembilan* [199] jenis angin.

ZUL : Terdapat kategori-kategori angin?

AM : Ya, Angin *start* [bermula] daripada bersifat sampai kepada mati. Angin *seratus sembilan puluh sembilan* [199] perkara angin. Jadi, *start* [bermula] daripada budak kecil sampai kepada orang tua mati angin. Satu contoh, budak kita tak bagi main pasir, kita ambil dukung, apa kata angin budak tu, menangis kan? Itulah angin yang kita sekat angin *dia* [budak yang sedang bermain pasir]. Kita orang tua kita hendak pergi *shopping* [membeli belah], hendak pergi di pantai tidak boleh, apa kita hendak buat? Angin akan rosak.

ZUL : Tekanan?

AM : Ya tekanan dia panggil (ketawa kecil), begitu *adik* [penemuramah] ceritanya, angin *seratus sembilan puluh sembilan* [199] angin. Kalau pakaian kita pakai sehabis cantik orang kata kita hodoh maka teruk lagi lah, *harus balik tidak sekali* [bermasam muka]. Itulah *seratus sembilan puluh sembilan* [199] angin *adik* [penemuramah]. Macam-macam kerenah angin.

ZUL : Ada sebarang pantang larang semasa Main Puteri?

AM : Ya ada, kalau masa Abang Mat sedang main, *orang ramai* [penonton] tidak boleh melintas ikut tengah antara Tok Minduk dengan Tok Teri. Tidak boleh lintas. Panjak [para pembantu Tok Teri] Abang Mat juga Abang Mat tidak benarkan lintas. *Disitu* [ruang tengah diantara Tok Teri dan Tok Minduk] ianya dipanggil tidak putus. Tok Minduk dengan Tok Teri tidak putus, memang ada *setali* [hubungan] dua tu. Sebab itu ianya tidak boleh dilangkah.

ZUL : Selain itu?

AM : Tidak ada.

ZUL : Kalau pantang larang tadi dilanggar?bagaimana?

AM : Pantang larang dilanggar tu kita nak bercakap tidak boleh. Kita hendak keluaran bahasa teri tu tidak sampai. Tidak jumpa, benda tu datang macam *screen* [pembayang].

ZUL : Ada terdapat jampi atau mentera yang digunakan dalam upacara Main Puteri?jika ada boleh Abang Mat ceritakan sedikit tentang jampi atau ayat-ayat digunakan.

AM : Ada.Macam kalau kita tengok *orang* [pesakit]. Apabila kita tengok *dia* [pesakit] ini mengikut angin. Mengikut angin *kita* [Tok Teri] gelarkan diri *kita* [Tok Teri] dengan *dia* [pesakit] *kita* [Tok Teri] kata *iya-iya lar nik dengar-dengar sebab perkataan tabik usur bomoh yang asar nak goyak kabar bile jentera baris*

*sekaum sekalian hayat angin dulu pesaka mula, nik nak tanggung angin mana
nik nak titih angin mana pesaka mana duduk tutup angin mana lagi duduk goda
siang menjadikan malam malam menjadikan siang [jampi mentera Main Puteri]
disitulah tempat kita [Tok Teri] menerjah pesakit. Sebab angin empat [4]
beradik tujuh [7] berinsumkan nama ni dik bukan mudah bukan dengan akal
berkira caro ore lain mendukungkan angin memera kan jasad sebanilan dengan
kain baju, dengan dukung mas dukung perak rukun leher tampal dada, kita
tanggung pesaka sebanilan dengan air mata air hidung jam makan kita tidak
boleh makan jam tidur kita tak boleh tidur, slimut tak lindung mandi tak basah.
Iyo-iyu lar woo lar nik tara kisah kaum sako mano lar nik boleh duduk lar tu
tutup. Angin mano lar nik wei boleh duduk lar goda kalu nik duduk log paje
tame dero lalu lar nik. Boleh kato nik aib kedage lar nik malu kan bayu sebab
dagang ore tok saa lar nik weii. Dagang ore tak sama dengan dagang nik,
dagang ore sebanilan dengan kain baju dukung mas dukung perak dukung
leher tampal dada, dagang nik sebanilan dengan air mat air hidung kalu
tadok kulit boleh katakan berceraai sendi dengan tulang. Hati mana nik tak sedih
jalan mana nik tak sesat hok ni kalu turut hati panas perut bekeng nik nak
jemeram alah berhamiran gunung cari bukit yang tinggi cerun yang dale
binatang yang buas harimau yang bekeng nak gantung tekak nak bunuh diri
ingat ko srabut siye menjadikan malam malam menjadikan siye [mentera Main
Puteri]. Yang ini tempat dia turun adik [tidak sedarkan diri] orang sakit. Bukan
kita masukkan hantu. Kita ceritakan kisah dia [pesakit]. –[bahasa Main Puteri].*

ZUL : Jenis lagu atau mentera?

AM : Lagu. Lagu sekali dengan mentera. Lagu *wak* [jenis lagu].

ZUL : Terdapat berapa jenis lagu?

AM : Lagu ini ada *dua belas* [12] jenis lagu yang Abang Mat buat. Tapi Abang Mat boleh menyanyi *tiga* [3] irama saja. Lagu sedayung, lagu wak tua, lagu sedara. Sebab suara Abang Mat suara kasar.

ZUL : Lagu yang dinyanyikan tadi, adakah ditentukan atau berkait atau tidak dengan pesakit? Kita kena tentukan?

AM : Berkait. Apa yang pesakit mahu *kita* [Tok Teri] kena cari jenis. Kalau kita bawa pergi arah ini *dia* [pesakit] tidak ikut. Kita kena bawa lah arah yang dia suka. *Dimana lah nya oh dia, didik lark u tadi, dimana lahnya oh dia didik larku tadi, didik ku tadi tangga dik dibawah tangga, didik lark u tadi tangga dik di bawah tangga, ikan lah sepat lar dik oii di dalam peti kena lah huje hari dik di tengah hari. Kalau tak dapat lar dik oi, kalau xdpat lar hajat dihati, baik ku bujang dik mati sampai ke mati. Dimana lar nya oh dia* [lagu Main Puteri] . Walau apa cara sekalipun jika pesakit ada angin joget dia akan turut. Yang itu angin joget, yang tadi angin memujuk.

ZUL : Dua belas [12] jenis lagu tadi?

AM : *Dua belas* [12] jenis irama.

ZUL : Nama 12 [dua belas] jenis lagu tadi?

AM : *Lagu wak tua, pak yong muda, sendayung hindik, wak che muda,-- dayung tongek,kisah barat* [senarai lagu Main Puteri]. Nak cukup semua *dua belas* [12] tadi? Kijang emas. Dan lain-lain. Kalau ada perkakas Abang Mat boleh ceritakan semua.--

ZUL : Jika lagu tidak sesuai dengan pesakit?

AM : Kita lihat pesakit dulu. Pesakit dia ada *dua* [2] *tiga* [3] sebab dia dengan kita. Kalau dia tunduk bermakna dia suka, kalau dia berpaling muka maka dia tidak suka. Kita [Tok Teri] kena berhenti. Serah kepada orang lain. Tapi kalau *dia* [pesakit] main teri hendak berubat *dia* [pesakit] ni dan dia hendak dengan *orang ini* [Tok Teri]. Jangan bawa pergi ketempat lain.Dia [pesakit] menyanyi atau tidak menyanyi hanyalah dengan orang itu [Tok Teri].

ZUL : Kebiasaannya, pesakit datang merawat dengan kaedah Main Puteri ini sakit apa?

AM : Penyakit angin

ZUL : Penyakit-penyakit lain yang Abang Mat rawat selain daripada penyakit angin?

AM : Ada macam-macam penyakit, datanglah berubat, tidak kira penyakit kayap, barah, kudis, ularan atau apa pun. Tetapi ayat setiap penyakit itu lain-lain. Seperti ayat penyakit barah lain, penyakit kudis lain, irama bomoh pun lain,

isteri atau anak lari pun lain juga *hikayat* [kaedah].

MN : Penyakit paling susah untuk dirawat?

ZUL : Berdasarkan pengalaman Abang Mat penyakit paling susah dirawat?

AM : Setakat ini belum ada penyakit yang susah untuk dirawat.

MN : Adakah pesakit akan terus sembuh selepas mendapatkan rawatan Main Puteri?

AM : Tentang penyembuhan penyakit itu kita berserah kepada Allah S.W.T. Tentang ini dipanggil sebagai *lapan* [8] ikhtiar dalam Main Puteri, sama seperti bidang doktor. Doktor buat pembedahan terhadap *dua* [2] orang pesakit yang mengalami penyakit yang sama. Seorang mati, seorang lagi hidup. Ini bukan disebabkan oleh doktor, tetapi ini telah dijanjikan dalam Lauth Mahfuz semasa tersurat dalam *Pokok Tobi* [pokok Araisy]. Apabila daun pokok Tobi gugur maka orang itu akan meninggal dunia. Mengikut kata Tok Teri, *beras bekalmu belum habis, parasanmu belum sama, talimu belum putus* [selagi belum sampai ajal] kita buat *lapan* [8] ikhtiar. Apabila *beras bekal habis, parasa sama, tali putus* [sampai ajal] sudah tidak dapat buat apa, maka akan kembali kepada Allah S.W.T. *Inalillahwainalillahiro'jiun [semuanya milik Allah S.W.T dan semua akan kembali kepadaNya].*

- MN** : Selain dari watak Tok Teri dan Tok Minduk, watak apa lagi ada dalam Main Puteri?
- AM** : Watak dalam Main Puteri ini bergantung kepada perangai pesakit. Ada yang datang dengan *hantu kechok, hantu meto, hantu joget* [jenis-jenis makhluk halus] dan macam-macam kaedah dia.
- ZUL** : Abang Mat pernah cerita [merujuk kepada temuramah terdahulu] tentang pesakit yang datang Main Puteri, selepas selesai upacara Main Puteri, kemudian pesakit tersebut meninggal dunia. Boleh Abang Mat cerita lebih lanjut tentang ini?
- AM** : Mengikut sesetengah cerita itu kata pesakit itu ada *penumpang* [mahluk halus], sebenarnya pesakit itu sudah sampai ajal. Tetapi-- , tiada orang kata *Idris* [nama contoh] ini mati dengan *sampai masa* [sudah sampai ajal] Malaikat Maut kena ambil nyawa sebab sudah berjanji hari itu [sudah ditetapkan kematian]. *Tuhan kata aku tidak sabitkan kamu Malaikat Maut, orang ramai tidak boleh masuk campur denga mu, aku bagi dengan sebab lain. Idris mati dengan kemalangan Tidak sabit dengan kata Idris sampai masa, Malaikat Maut tak ambil nyawa. Orang ramai tidak timbul, orang ramai timbul punca kemalangan* [Allah SWT menetapkan kematian seseorang ketika berlaku kemalangan, maka Malaikat Maut mencabut roh orang itu ketika kejadian tersebut].

MN : Apakah nama watak *tujuh* [7] orang yang bermain muzik [pemain gong, gendang, geduk]

AM : Panjak *tujuh* [7].

ZUL : Apakah yang dirasakan oleh Tok Teri semasa upacara mengubati pesakit?

AM : Tok Teri rasa semua sekali apa yang dirasakan semua orang. Jika *orang ramai* [merujuk kepada pesakit] rasa sedih, Tok Teri lagi sedih, jika orang ramai rasa gembira, Tok Teri lagi gembira, jika orang ramai rasa sakit, Tok Teri lebih sakit. Sabit kata apa yang ada ini--. *Sebab kita boleh duduk sekali dengan orang sakit* [sebab itu Tok Teri boleh apa rasa apa yang dirasakan oleh pesakit]. *Kita ini memang duduk di bawah pada pesakit, kita tidak akan naik atas dari pesakit* [Tok Teri sentiasa merendah diri kepada pesakit]. Jika pesakit sakit lima puluh [50], Tok Teri kena sakit seratus [100] [Tok Teri perlu lebih kuat dari pesakit] sebab kita hendak masuk dalam diri pesakit, setakat mana tekanan yang dihadapi pesakit [Tok Teri perlu tahu setakat mana tahap kesakitan yang dihadapi oleh pesakit]. Kalau rasa menang kita, dia sakit, mesti dia marah kita [jangan kecilkan hati pesakit]. Sebagai satu contoh, *adik* [penemuramah] ada ibu bapa yang sakit, kamu sebagai anak dia [anak pesakit] hendak berjalan laju di dalam rumah tidak boleh. Pesakit kata kepada anak dia, kurang ajar kerana melakukan perkara *tidak sopan* [berjalan laju] sedangkan pesakit hanya mampu berjalan perlahan. Tok Teri hendak pegang kaki dan menyanyi untuk tidak membuatkan pesakit marah.

ZUL : Jadi, bagaimanakah cara untuk tidak membuat pesakit marah?

AM : Inilah *cara* [kaedah rawatan tradisional] yang perlu Abang Mat buat untuk menyelami hati pesakit. Walaupun keturunan dia [pesakit] sendiri, tapi tidak bagi anak dia berjalan laju dan buat bising. Tetapi Abang Mat ini sehinggakan mahu menyanyi dan bersuka ria. Ini semua kerana penyakit angin [ego yang tinggi]

ZUL : Jadi, Tok Teri ini bakal menanggung kesakitan yang dihadapi oleh pesakit?

AM : Memang begitu. *Ibarat kata lilin sanggup bakar diri* [kata pepatah Melayu yang membawa maksud sanggup berkorban apa sahaja walaupun membahayakan diri sendiri]. *Tolong sahabat* [menolong orang yang dalam kesusahan].

ZUL : Boleh cerita lebih lanjut tentang perpindahan angin pesakit kepada Tok Teri

AM : Kebanyakan pesakit yang terkena penyakit angin seperti *mencabut duri dalam daging* [merasa lega apabila penyakit hilang]. Apabila terkena duri, jadi berjalan terasa sakit, setelah tercabutnya duri, kita sudah boleh berjalan, tetapi sakitnya masih terasa. Diibaratkan mencabut penyakit . Pesakit datang dengan berusung. Setelah dirawat penyakit angin dengan Main Puteri, pesakit sudah boleh pakai seluar sendiri. Antara penyakit yang Abang Mat tidak boleh rawat ialah penyakit jantung, jika ada penyakit sudah tidak dapat buat apa, kalau Main

Puteri boleh mati pesakit ini, kerana penyakit jantung ini tidak boleh dengar suasana yang bising. Jika penyakit angin memang tidak akan bosan.

ZUL : Apakah yang perlu dilakukan oleh pesakit selepas selesai upacara Main Puteri?

AM : Tiada apa. Kalau sudah sihat, tidak mengapa.

ZUL : Tiada terikat dengan apa-apa?

AM : Ye, tiada. Cuma hendak main lebih lagi kita[merujuk kepada Tok Teri] panggil *basuh bala bali pancung persado* [bahasa klasik] dipanggil putus ubat, apabila putus ubat kita berlimau.

ZUL : Maksud berlimau?

AM : Maksud berlimau ini cuci tubuh seperti ambil air sembahyang. *Apabila duk jalan-jalan gini semua orang ini dia panggil dok dalam najis* [apabila berada dalam keadaan biasa, semua orang dianggap berada dalam keadaan kotor] selagi tidak akad hadas, dikira masih dalam keadaan kotor, apabila sudah akad hadas barulah berada dalam keadaan suci. Macam seperti itu juga, putus ubat ini dipanggil berlimau.

ZUL : Boleh Abang Mat ceritakan perkara-perkara yang pernah Abang Mat hadapi berdasarkan pengalaman Abang Mat dalam penglibatan Main Puteri, perkara yang mungkin pelik atau bagaimana?

AM : Pelik ini tiada pelik mana dik [penemuramah]. Bagi pandangan orang ramai mungkin pelik, tapi bagi Abang Mat ini tidak pelik, sebab Abang Mat tidak berada seperti orang biasa, sebab itu Abang Mat tidak mahir sangat. Jadi Abang Mat kalau ikut cara Abang Mat ini *body* [badan] Abang Mat besar ini (sambil menunjuk kepada badannya yang kurus itu) tapi bibir dan mulut Abang Mat besar lengan, kulit Abang Mat tidak kulit macam ini (menunjuk kepada kulit yang lembut itu), tapi kulit tebal. Apabila sudah angin macam ini jadinya.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4 : PERCAPAIAN DAN HARAPAN

ZUL : Adakah Abang Mat pernah membuat persembahan yang besar di mana-mana tempat di Malaysia selain di Kelantan.

AM : Tahun *dua ribu tujuh* [2007] dahulu, Abang Mat berlakon dengan pihak *ASTRO* [All Asian Satellite Television and Radio Operator]. *ASTRO* buat ini untuk menyebarkan tentang Main Puteri ini. Abang Mat berlakon pada *sembilan* [9] Januari *dua ribu tujuh* [2007]. Jadi Abang Mat ucap terima kasih kepada pihak *ASTRO* kerana menyokong Abang Mat sehingga nama naik mendadak ke seluruh dunia di zaman *internet* [sistem perangkaian antarabangsa yang

membolehkan pengguna mencapai maklumat pangkalan data dari seluruh dunia] ini. Jadi perubatan Abang Mat memang begitu, perubatan tradisional. Jadi Abang Mat berasa bangga dan gembira, Abang Mat yang akademik kategori kelas bawah ini mampu bersiaran dalam televisyen. Jadi tempat-tempat yang Abang Mat pernah Main Puteri ialah di Muzium Negara, Istana Budaya, Publika, *USM* [Universiti Sains Malaysia], *UMK* [Universiti Malaysia Kelantan] dan Universiti Malaya. Semua tempat ini Abang Mat pernah pergi untuk buat pertunjukan untuk pelajar-pelajar untuk menonton. Jadi Abang Mat berasa gembira kerana ramai penyokong seni dan perubatan. Selanjutnya, kalau boleh ada pelajar atau pelapis baru patut ada, kerana Main Puteri ini tidak merosakkan Negara seperti dadah dan ganja.

ZUL : Pengalaman di luar Negara?

AM : Belum ada pengalaman lagi.

ZUL : Media atau wartawan pernah membuat liputan tentang Abang Mat dan Main Puteri?

AM : Ada. Wartawan dari Britain, Perancis, German, Korea, Thailand, mereka datang ambil gambar, cuma Abang Mat lupa nama mereka.

ZUL : Terdapat mana-mana pelajar yang pernah buat kajian tentang Abang Mat dan Main Puteri ini?

AM : Macam pelajar *UMK* [Universiti Malaysia Kelantan], *USM* [Universiti Sains Malaysia], *UiTM* [Universiti Teknologi MARA], Universiti Malaya.

ZUL : Adakah Abang Mat pernah mendapat pengiktirafan daripada mana-mana badan seperti kerajaan?

AM : Macam sijil ini (sambil tunjuk pada sijil) Abang Mat daripada pejabat *JKKN* [Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan Negara] Kuala Lumpur, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang. Jadi ada *empat* [4] sijil penghargaan untuk berubat orang.

ZUL : Anugerah yang pernah Abang Mat terima berkaitan dengan Main Puteri?

AM : Baru ini Abang Mat pergi di Universiti Sains Malaysia pada *dua* [2] haribulan *dua* [2] Abang Mat boleh jadi Ahli Panel, ada sijil penghargaan Abang Mat jadi Ahli Panel. Dari situ Abang Mat berasa bangga dengan sokongan kerajaan.

ZUL : Selepas Abang Mat, siapakah yang akan meneruskan perjuangan Abang Mat dalam bidang ini?

AM : Pelapis ini bagi kepada anak-anak Abang Mat.

ZUL : Jadi Abang Mat mempunyai anak didik sendiri?

AM : Ada.

ZUL : Berapa orang?

AM : Yang Abang Mat nampak setakat ini seorang.

ZUL : Boleh tahu nama dia?

AM : Abang Mat rasa Rizuan.

ZUL : Siapa dia?

AM : Dia anak kepada Abang Mat.

ZUL : Boleh Abang Mat cerita serba sedikit tentang dia?

AM : Sebab dia ini orang jujur dan sabar. Apabila orang jujur dan sabar ini mudah untuk terima ilmu. Sebab Main Puteri ini atau berubat orang tidak boleh garang, memberontak, tidak boleh bermasam muka dengan orang lain. Memang begitu, kerana kita bermain angin, dia perlukan orang yang sabar, dugaan terlalu banyak. Ini macam kita berjalan dalam duri, silap langkah duri kena kaki.

ZUL : Berapa umur anak didik Abang Mat itu?

AM : Dalam *dua puluh empat* [24]. Sekarang tengah belajar mengurut.

ZUL : Pada pandangan Abang Mat, adakah generasi muda patut meneruskan perjuangan Main Puteri

AM : Ya. Generasi muda patut belajar Main Puteri awal lagi, baik muzik, baik berubat. Jenis mantera kena belajar, mantera ini agak susah sedikit untk belajar tapi kalau alat-alat muzik ini kena belajar sebabnya, kalau mungkin dia masuk dalam kelas darjah *tiga* [3] sehingga kepada tingkatan *lima* [5], tetapi tidak mendapat keputusan peperiksaan yang tidak memberangsankan seperti tidak dapat sepenuhnya *lapan A* [8A]. Jadi dia ada bidang lain seperti *ISWARA* [pemain kumpulan alat muzik], jadi dia sudah ada kemahiran tentang main alat muzik ini. Jadi Abang Mat amat setuju dan sokong jika ada mereka yang mahu belajar ini

ZUL : Apakah saranan Abang Mat bagi memastikan warisan ini sentiasa diingati oleh generasi akan datang?

AM : Pepatah orang tua berkata seni Main Puteri ini *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas* [adat yang tidak berubah,sesuatu yang tetap utuh], *sebab dia awal lagi benda ini* [Main Puteri ini telah lama wujud]. Walau apa jua, Main Puteri tidak akan pupus begitu sahaja.--

ZUL : Maknanya setakat ini sajalah temuramah ini. Bagi pihak kami ingin mnegucapkan terima kasih kepada Abang Mat kerana sudi melungkan masa dalam sesi temuramah ini. *Insyallah* [dengan izin Allah] jasa baik Abang Mat ini berkongsi pengalaman, cerita-cerita menarik dalam bidang

Main Puteri ini, sekali lagi kami ucapkan ribuan terima kasih pada Abang Mat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

AM : Waalaikumsalam, jadi Abang Mat ucapkan terima kasih kepada *adik-adik* [penemuramah] sudi datang ke sini. Semoga seni Abang Mat ini. berpanjangan.

TAMAT BAHAGIAN 4

TAMAT

RUJUKAN

Che Mohd Zailani Bin Che Moh (wawancara, 25 April, 2015). *Wawancara berkaitan Misteri Disebalik Main Puteri*. Ditemuramah oleh Muhammad Naqib Bin Mazlan dan Zulazreen Bin Zulkifle. Tanah Merah :Kelantan.

R. Z. (2007, November 22). Main teri diancam kepupusan. Diterima April 05, 2016, dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1122&sec=Sastera&pg=sa_01.htm

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Muhammad Naqib Bin Mazlan menemuramah Che Mohd Zailani Bin Che Moh, yang berumur 50 tahun, yang dilahirkan di Kampung Gual Jedok, Tanah Merah, Kelantan. Temuramah dijalankan di kediaman beliau di Kampung Gual Jedoh, Tanah Merah, Kelantan mengenai cerita rakyat yang kisahkan tentang Misteri Disebalik Main Puteri.

BAHAGIAN 1

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
00:01:00 – 00:05:24	Pengenalan diri dan latar belakang pencerita	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nama Che Mohd Zailani Bin Che Moh. 2. Nama gelaran Abang Mat Tok Bomoh atau Abang Mat Tok Teri. 3. Kampung Gual Jedok. 4. Tanah Merah, Kelantan.. 5. Nama bapa Che Moh Bin Daud. 6. Nama ibu Limah Binti Yusof. 7. Kemahang. 8. Ciku Enam.
00:05:26 - 00:08:47	Pasangan/isteri pencerita	<ol style="list-style-type: none"> 1. Maznah Binti Ibrahim. 2. Kampung Banggol Yek.
00:06:19 – 00:07:55	Ahli keluarga tokoh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mazni Binti Che Mohd Zailani. 2. Mohd Rizuan Bin Che Mohd Zailani 3. Azhar Bin Che Mohd Zailani . 4. SMK Bukit Bunga.

--	--	--

00:08:30 – 00:10:00	Latar belakang pendidikan	1. Sekolah Kebangsaan Jedok
------------------------	---------------------------	--------------------------------

BAHAGIAN 2

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
00:01:00 – 00:03:22 (Rakaman kedua)	Asal usul Main Puteri	9. Kelantan. 10. Dewa Muda. 11. Bageh 12. Puteri Makyong
00:05:26 - 00:08:47	Persamaan budaya	3. Rodat – Terengganu 4. Kuda Kepang –Johor .
00:06:05 – 00:06:16	Tempat yang ada persembahan Makyong dan Wayang Kulit	5. Kok Lanas.
00:07:32 – 00:07:50	Nama alatan muzik yang digunakan dalam Main Puteri	2. Rebab 3. Gendang kecil 4. Gendang besar 5. Gedombok 6. Geduk 7. Gong 8. Kesi 9. Serunai

<p>00:07:52 – 00:08:05</p>	<p>Tempat alatan muzik dibeli</p>	<p>1. Pasir Mas.</p>
<p>00:08:45 – 00:08:52</p>	<p>Nama gelaran pemain alat muzik dalam Main Puteri</p>	<p>1. Panjak Tujuh.</p>
<p>00:09:30 – 00:11:03</p>	<p>Penglibatan pencerita secara berkumpulan</p>	<p>1. Kumpulan Abang Mat Jedok</p>

BAHAGIAN 3

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
00:13:00 – 00:17:11	Disebalik main Puteri	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tok Teri akan mengibaratkan pesakit seperti raja dan Tok Teri sebagai pengasuh atau hamba raja. 2. Negeri Sebuah Pulau Sebutir dianggap tempat alam pesakit yang perlu Tok Teri terokai. 3. Perjanjian perlu dibuat sebelum memasuki alam pesakit untuk mencari punca kesakitan pesakit. 4. Tok Teri berperanan sebagai orang tengah atau hakim untuk menyelesaikan masalah pesakit dan makhluk halus.
00:18:17- 00:20:19	Persediaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Alat bangkit semangat 2. Persediaan pesakit bergantung kepada jenis sakit dan permintaan Tok Teri.
00:22:02-	Pantang larang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tok Teri dan Tok

00:22:57		Minduk tidak boleh langkah batu sempadan (bantal).
00:24:50- 00:25:20	Tempoh masa upacara	1. Pukul 9 malam sampai pukul 11 pagi di Kampung Puyu Tanah Merah, Kelantan.
00:28:00- 00:29:00	Sifat Jin	1. Kedalaman Lautan Pasifik bersamaan paras pinggang anak jin.
00:30:18- 00:32:00	Jenis penyakit angin	1. Angin Fakir Abdullah 2. Angin Dewa Muda 3. Angin Dewa Kecil
00:40:55- 00:43:00	Jenis lagu dan irama	1. Lagu wak tua 2. Lagu pakyong muda 3. Lagu sendayung hindik 4. Lagu wak che muda 5. Lagu dayung tonggek 6. Lagu kisah barat 7. Lagu kijang emas 8. Lagu wak jembal

BAHAGIAN 4

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
00:55:15- 00:57:50	Pencapaian dan harapan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tahun 2007 mengadakan rakaman dengan Astro 2. Tersebar ke seluruh dunia melalui internet. 3. Muzium Negara Malaysia 4. Istana Budaya 5. Publica Harta Mas 6. Universiti Sains Malaysia 7. Universiti Malaysia Kelantan. 8. Universiti Malaya
00:57:57- 00:59:00	Wartawan yang membuat liputan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Wartawan daripada Negara Britain 2. Wartawan Negara German 3. Wartawan Negara Perancis 4. Wartawan Negara Korea 5. Wartawan Negara Thailand.
00:59:00	Pengiktirafan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pejabat JKKN Kuala Lumpur 2. Universiti Sains Malaysia Cawangan Penang.

DIARI KAJIAN

Tarikh/Masa	Tempat	Aktiviti
24/3/2016 (10.00 Petang)	Pertandingan Muay Thai Bachok Kelantan	-Menemui kenalan yang digelar Abang Amin Simponi yang merupakan pemain rebana muzik tradisional dan muzik muay thai. -menanyakan beliau tentang pengamal main puteri yang dikenali. -mendapat nombor 'Tok Teri'
27/3/2016 (9.00 Petang)	Kediaman calon yang ditemuramah (Kampung Jedok, Tanah Merah, Kelantan)	-Berkenalan dengan calon ditemuramah iaitu Che Mat Jedok dan menyatakan tujuan kedatangan ke rumah beliau. -meminta kesudian beliau untuk bercerita serba sedikit tentang asal-usul main puteri. -menetapkan tarikh untuk mengadakan sesi temuramah seterusnya. -meminta kebenaran beliau untuk merekod dan merakam perbualan dan gambar semasa sesi temuramah diadakan.
1/5/2016 hingga 11/5/2016	UiTM Kelantan kampus	-Mula membuat draft

	Machang.	pertama untuk transkrip Kerajaan Jembal. -Pada 11/5/2016, mula membuat pembentangan serta menghantar draft pertama untuk transkrip Raja Jembal.
9/6/2016	Kedai Jilid Kubang Kerian.	-Mula menghantar transkrip ke kedai untuk dibukukan.
16/6/2016	UiTM Kelantan kampus Machang.	-Menghantar transkrip yang telah dibukukan dan siap kepada Madam Kamariah Binti Chik.

SENARAI SOALAN

BAHAGIAN I

1. Pertama sekali, boleh kami tahu nama penuh Abang Mat?
2. Apakah nama gelaran Abang Mat?
3. Boleh Abang Mat cerita serba sedikit tentang latar belakang Abang Mat?
4. Bilakah tarikh lahir Abang Mat?
5. Berapa umur Abang Mat?
6. Abang Mat lahir di mana?
7. Maknanya, Abang Mat orang jati kampung ini [Kg Gual Jedok] ?
8. Apakah nama ayah Abang Mat?
9. Nama ibu Abang Mat?
10. Ibu bapa Abang Mat asal dari mana?
11. Apakah pekerjaan ibu bapa Abang Mat?
12. Adakah ibu bapa Abang Mat masih hidup?
13. Abang Mat ada berapa adik beradik?
14. Abang Mat yang ke berapa?
15. Boleh Abang Mat cerita serba sedikit tentang adik beradik Abang Mat, di mana mereka bekerja dan tinggal di mana?
16. Adakah semua adik beradik Abang Mat masih hidup?
17. Adik beradik Abang Mat tinggal di mana?
18. Apakah nama isteri Abang Mat?
19. Bilakah Abang Mat kahwin dengan isteri Abang Mat?
20. Sudah berapa lama Abang Mat berkahwin dengan isteri Abang Mat?
21. Umur isteri Abang Mat?
22. Apakah pekerjaan isteri Abang Mat?
23. Isteri Abang Mat berasal dari mana?
24. Abang Mat ada berapa orang anak?
25. Berapa lelaki dan berapa perempuan?
26. Nama anak Abang Mat?

27. Umur berapa anak Abang Mat?
28. Apakah pekerjaan anak Abang Mat?
29. Yang ketiga [ke-3] sekolah di mana?
30. Dia [Azhar] pergi ke sekolah dengan apa? Adakah Abang Mat hantar?
31. Berapa orang anak Abang Mat yang tinggal dengan Abang Mat?
32. Jika ada masa lapang, apakah yang Abang Mat akan buat?
33. Abang Mat sekolah di mana?
34. Sekolah menengah?
35. Abang Mat pergi sekolah dengan apa?
36. Berapa wang saku Abang Mat bawa ke sekolah?
37. Bolehkah Abang Mat cerita serba sedikit tentang zaman persekolahan dahulu?
38. Boleh Abang Mat cerita tentang kenangan manis pada zaman sekolah dahulu?
39. Adakah Abang Mat ingat lagi pengalaman berharga semasa di sekolah dahulu?
40. Abang Mat ingat lagi bila kali pertama kenal isteri Abang Mat?
41. Apakah itu Main Puteri?
42. Bilakah Abang Mat mula menceburi bidang Main Puteri?
43. Berapa orang guru Abang Mat belajar Main Puteri?
44. Adakah Abang Mat masih ingat guru Abang Mat?
45. Apakah yang dimaksudkan dengan Main Puteri?
46. Boleh Abang Mat ceritakan asal usul Main Puteri?
47. Adakah Main Puteri ini hanya terkenal di Kelantan sahaja?
48. Apakah tujuan sebenar Main Puteri ini dimainkan?
49. Adakah Main Puteri ini sama seperti Mak Yong ataupun Ulek Mayang?
50. Adakah watak-watak Mak Yong ada dalam Main Puteri?
51. Adakah Main Puteri ini hanya dimainkan oleh orang Melayu sahaja?
52. Jadi Main Puteri ini boleh dikatakan sebagai aktivi kebudayaan?
53. Adakah Main Puteri ini boleh dilakukan selain daripada majlis perubatan?
54. Apakah alatan yang digunakan untuk Main Puteri?
55. Di mana Abang Mat dapat alatan ini?
56. Apakah pakaian yang tertentu yang perlu dipakai semasa upacara Main Puteri?
57. Berapa orang yang perlu terlibat semasa Main Puteri?

58. Adakah Abang Mat Main Puteri secara solo atau mempunyai kumpulan?
59. Adakah Abang Mat mempunyai kumpulan sendiri?
60. Nama kumpulan Abang Mat?
61. Bilakah kumpulan Abang Mat mula ditubuhkan?
62. Berapakah ahli kumpulan Abang Mat?
63. Adakah kumpulan Abang Mat mempunyai lelaki dan perempuan?
64. Adakah Abang Mat ingat lagi umur ahli kumpulan Abang Mat?
65. Peranan Abang Mat dalam kumpulan?
66. Adakah pesakit akan dikenakan bayaran untuk Main Puteri ini?
67. Kebiasaannya berapa bayaran yang dikenakan kepada pesakit?
68. Jika dijemput untuk dibuat persembahan adakah lain pula harga dikenakan dengan perubahan?
69. Selain daripada Abang Mat sebagai Tok Minduk,apa lagi watak yang ada dalam Main Teri ini?
70. Jadi persediaan yang perlu sebelum memulakan Main Puteri ini di pihak Abang Mat dahulu?
71. Jadi itu persediaan di pihak Abang Mat,bgaimana pula persediaan di pihak pesakit pula?
72. Biasanya ada jenis makanan lain yang perlu disediakan?
73. Bergantung kepada?
74. Tidak akan langkah ataupun kalau dia [Tok Teri dan Tok Minduk] langkah atau memang tidak langkah?
75. Maksudnya?
76. Upacara Main Puteri sesuai dilakukan pada waktu mana Abang Mat?
77. Berapa lamakah tempoh masa upacara Main Puteri dilangsungkan?
78. Jadi berdasarkan pengalaman Abang Mat, adakah itu adalah tempoh yang paling lama?
79. Lepas tu saya [penemuramah] nak tanya, Main Puteri ini ada kaitan atau tidak dengan Puteri Sadong?
80. Ucatan yang macam mana?
81. Siapa?
82. Nak Tanya tentang Puteri Sadong, Puteri Sadong ini main juga atau tidak Main Puteri ini?

83. Apakah peranan Tok Teri dan peranan Tok Minduk?
84. Apakah yang dimaksudkan dengan angin dalam Main Puteri ini?
85. Boleh tahu berapa jenis angin?
86. Terdapat kategori-kategori angin?
87. Tekanan?
88. Ada sebarang pantang larang semasa Main Puteri?
89. Selain itu?
90. Kalau pantang larang tadi dilanggar?bagaimana?
91. Ada terdapat jampi atau mentera yang digunakan dalam upacara Main Puteri?jika ada boleh Abang Mat ceritakan sedikit tentang jampi atau ayat-ayat digunakan.
92. Jenis lagu atau mentera?
93. Terdapat berapa jenis lagu?
94. Lagu yang dinyanyikan tadi, adakah ditentukan atau berkait atau tidak dengan pesakit? Kita kena tentukan?
95. Dua belas [12] jenis lagu tadi?
96. Nama 12 [dua belas] jenis lagu tadi?
97. Jika lagu tidak sesuai dengan pesakit?
98. Kebiasaannya, pesakit datang merawat dengan kaedah Main Puteri ini sakit apa?
99. Penyakit-penyakit lain yang Abang Mat rawat selain daripada penyakit angin?
100. Penyakit paling susah untuk dirawat?
101. Berdasarkan pengalaman Abang Mat penyakit paling susah dirawat?
102. Adakah pesakit akan terus sembuh selepas mendapatkan rawatan Main Puteri?
103. Selain dari watak Tok Teri dan Tok Minduk, watak apa lagi ada dalam Main Puteri?
104. Abang Mat pernah cerita [merujuk kepada temuramah terdahulu] tentang pesakit yang datang Main Puteri, selepas selesai upacara Main Puteri, kemudian pesakit tersebut meninggal dunia. Boleh Abang Mat cerita lebih lanjut tentang ini?
105. Apakah nama watak tujuh [7] orang yang bermain muzik [pemain gong, gendang, geduk]
106. Apakah yang dirasai oleh Tok Teri semasa upacara mengubati pesakit?
107. Jadi, bagaimanakah cara untuk tidak membuatkan pesakit marah?
108. Jadi, Tok Teri ini bakal menanggung kesakitan yang dihadapi oleh pesakit?
109. Boleh cerita lebih lanjut tentang perpindahan angin pesakit kepada Tok Teri

110. Apakah yang perlu dilakukan oleh pesakit selepas selesai upacara Main Puteri?
111. Tiada terikat dengan apa-apa?
112. Maksud berlimau?
113. Boleh Abang Mat ceritakan perkara-perkara yang pernah Abang Mat hadapi berdasarkan pengalaman Abang Mat dalam penglibatan Main Puteri, perkara yang mungkin pelik atau bagaimana?
114. Adakah Abang Mat pernah membuat persembahan yang besar di mana-mana tempat di Malaysia selain di Kelantan.
115. Pengalaman di luar Negara?
116. Media atau wartawan pernah membuat liputan tentang Abang Mat dan Main Puteri?
117. Terdapat mana-mana pelajar yang pernah buat kajian tentang Abang Mat dan Main Puteri ini?
118. Adakah Abang Mat pernah mendapat pengiktirafan daripada mana-mana badan seperti kerajaan?
119. Anugerah yang pernah Abang Mat terima berkaitan dengan Main Puteri?
120. Selepas Abang Mat, siapakah yang akan meneruskan perjuangan Abang Mat dalam bidang ini?
121. Jadi Abang Mat mempunyai anak didik sendiri?
122. Berapa orang?
123. Boleh tahu nama dia?
124. Siapa dia?
125. Boleh Abang Mat cerita serba sedikit tentang dia?
126. Berapa umur anak didik Abang Mat itu?
127. Pada pandangan Abang Mat, adakah generasi muda patut meneruskan perjuangan Main Puteri?
128. Apakah saranan Abang Mat bagi memastikan warisan ini sentiasa diingati oleh generasi akan datang?

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Pada.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan. Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.


.....
()

Pengkisah

.....

Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.


GAMBAR



Rajah 1: Che Mohd Zailani Bin Che Moh



Rajah 2: Sijil Pengiktirafan JKKN



Rajah 3: Poster persembahan di Panggung Seni Tradisional



Rajah 4: Semasa upacara main puteri



Rajah 5: Gambar bersama Che Mat

INDEKS

A

Abang Mat 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 23, 24, 25, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 35, 37, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 49, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64
angin ... 12, 13, 18, 20, 24, 27, 28, 29, 30, 32, 33, 37, 39, 42, 54, 62, 63

B

budaya..... 12, 51

D

Dikir Laba..... 57
dokter..... 1, 13, 19, 23, 34

G

Gua Musang..... 5

H

hantu 18, 21, 22, 25, 26, 31, 34

I

ilmu..... 10, 19, 42
Ilmu 19
Islam 1, 26

J

Jedok..... 3, 4, 5, 8, 16, 50, 52, 56, 59
jin 18, 21, 26, 27, 54

K

Kampung Gual Jedok..... 2, 48, 49

Kelantan .. 1, 2, 3, 6, 8, 12, 14, 24, 39, 41, 46, 48, 49, 51, 54, 55, 56, 57, 60, 63

Kok Lanas 14, 51

L

Lagu 31, 32, 54, 62

M

main puteri..... 69
Main Puteri.... 1, 2, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 17, 18, 20, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 32, 33, 34, 35, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 46, 48, 51, 52, 60, 61, 62, 63, 64
muzik..... 1, 12, 35, 43, 51, 52, 56, 63

P

Pasir Putih 24
perubatan tradisional 2, 23, 39
pesakit ... 1, 10, 13, 17, 18, 21, 23, 27, 30, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 52, 53, 61, 62, 63
Puteri Sadong 25, 26, 27, 62

R

roh 12, 18, 35

T

Tanah Merah 1, 2, 3, 5, 8, 46, 48, 54, 56
Tengku Mohd Nor Hamzah..... 48
Terengganu..... 12, 51
tok bomoh 19, 21, 22, 23
Tok Minduk..... 1, 18, 22, 23, 27, 29, 34, 54, 61, 62, 63
Tok Teri... 1, 2, 10, 15, 17, 18, 22, 23, 27, 29, 30, 32, 33, 34, 36, 37, 38, 49, 52, 53, 54, 56, 61, 62, 63